

27 OCT 2003

Mahathir-rasuah/I

KERAJAAN JADI MANGSA AKIBAT RASUAH DAN TIDAK CEKAP MAJLIS TEMPATAN

PUTRAJAYA, 27 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata majlis kerajaan tempatan yang sentiasa terlibat dengan rasuah dan cara bekerja tidak cekap, akhirnya akan menyebabkan kerajaan mengalami kerugian besar.

Perdana Menteri berkata populariti kerajaan akan terhakis lebih-lebih lagi jika anggota-anggota majlis itu adalah dari parti kerajaan.

"Jika mereka tidak mampu bertugas dengan baik, kita akan pecat mereka," katanya pada sidang media selepas menghadiri satu majlis di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata ada kalanya anggota majlis kerajaan tempatan cuba mengelak daripada menjadi tidak popular yang mendorong mereka daripada mengenakan cukai dan sebagainya.

"Dalam kes-kes seperti ini, kita perlu paksa mereka," katanya ketika ditanya mengenai beberapa majlis kerajaan tempatan yang tidak menunjukkan prestasi baik sehingga orang ramai membuat aduan.

Dr Mahathir juga berkata beliau lebih suka jika anggota majlis tempatan dilantik daripada dipilih.

Katanya jika kempen diadakan bagi memilih anggota majlis tempatan, pemilihan itu akan dipenuhi dengan unsur politik.

"Mereka yang terlibat tidak akan bercakap mengenai parit, perkhidmatan yang lebih baik atau sebagainya. Mereka akan kata orang ini adalah dari PAS, dia ini dari Umno dan dia ini pula dari DAP," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata pentadbir perlu mengasingkan politik daripada fungsi kerajaan.

"Jika tidak, tumpuan akan semata-mata diberikan kepada politik," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAI